

Brambles

Dasar Antisogokan dan Rasuah

Brambles Limited

Disemak Semula: 1 Julai 2023

Versi 4.0

DASAR ANTISOGOKAN DAN RASUAH

1. Pengenalan dan Tujuan Dasar ini

- 1.1 Salah satu daripada Nilai Bersama Brambles ialah kita sentiasa perlu bertindak mengikut undang-undang, secara beretika dan berintegriti serta menghormati komuniti dan alam sekitar.

Sogokan dan kelakuan tidak wajar berkaitan yang dirujuk dalam Dasar ini bukan sahaja kesalahan jenayah dan sivil yang serius tetapi juga bertentangan dengan Nilai Bersama kita. Tindakan melibatkan diri dalam kelakuan sedemikian boleh mengakibatkan Brambles atau anda menanggung denda yang sangat besar, kos berkaitan undang-undang dan pematuhan, serta liabiliti sivil dan hukuman penjara bagi individu yang terlibat. Tindakan tersebut juga boleh mengakibatkan kerosakan serius terhadap reputasi dan nilai pasaran Brambles.

- 1.2 Dasar ini:

- (a) menggariskan tanggungjawab kita, serta tanggungjawab individu yang bekerja untuk kita, berhubungan dengan sogokan dan rasuah; dan
- (b) menyediakan maklumat dan panduan kepada mereka yang bekerja untuk kita tentang cara mengecam dan menangani isu sogokan dan rasuah.
- (c) Dalam Dasar ini, istilah "kita", "kami" dan "Brambles" merujuk kepada Brambles Limited dan syarikat kumpulannya ("**Brambles**").

- 1.3 Anda mesti memastikan bahawa anda membaca, memahami dan mematuhi Dasar ini.

2. Siapakah yang dirangkumi dalam Dasar ini?

Dasar ini diguna pakai pada semua individu yang bekerja untuk kita atau bagi pihak kita di semua peringkat, termasuk pengurus kanan, pegawai, pengarah, pekerja (sama ada tetap, kontrak jangka tetap atau sementara), perunding, kontraktor, pelatih, kakitangan pinjaman, pekerja sambilan dan kakitangan agensi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, ejen, penaja, atau mana-mana individu lain yang berkaitan dengan kita, bertempat di mana-mana sahaja (secara kolektif dirujuk sebagai "**Kakitangan**" dalam Dasar ini).

3. Dasar Kita: sogokan, rasuah dan penggunaan orang dalam adalah dilarang

- 3.1 Kita menjalankan perniagaan kita mengikut undang-undang, beretika dan berintegriti. Amalan rasuah tidak diterima dan kita mengamalkan pendekatan toleransi sifar terhadap sogokan, rasuah dan penggunaan orang dalam. Kita komited untuk bertindak secara profesional, adil serta dengan penuh integriti dan hormat dalam semua urusan perniagaan dan perhubungan kita di mana-mana jua kita beroperasi, serta melaksanakan dan menguatkuasakan sistem yang berkesan untuk mencegah sogokan. Kita akan mematuhi rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan di setiap negara tempat kita beroperasi. Ini bermaksud anda tidak boleh memberikan, menjanjikan, menawarkan atau membenarkan apa-apa sahaja yang bernilai demi memperoleh atau mengekalkan perniagaan, mempengaruhi keputusan atau memperoleh kelebihan perniagaan tidak wajar yang lain untuk Brambles. Anda juga tidak boleh meminta apa-apa jenis sogokan atau balasan.
- 3.2 Kita juga menghendaki pihak yang mengurus niaga dengan kita mengambil pendekatan toleransi sifar yang serupa terhadap sogokan dan rasuah. Sebelum mengikat perjanjian dengan mana-mana pihak ketiga yang akan bertindak bagi pihak Brambles, Brambles akan

menjalankan usaha wajar yang sesuai serta mendapatkan jaminan pematuhan tertentu daripada pihak ketiga tersebut.

- 3.3 Larangan sogokan, rasuah dan penggunaan orang dalam ini diguna pakai terhadap penawaran, pemberian atau penerimaan apa-apa sahaja yang bernilai, bukan sahaja wang tunai. Ini termasuk peluang perniagaan, pekerjaan, kontrak atau terma kontrak yang berat sebelah, derma, perjalanan, hadiah dan layanan baik.
- 3.4 Dasar ini membentuk sebahagian daripada Tatakelakuan Brambles dan hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Antisogokan dan Rasuah, yang disiarkan di Walter, serta Misi dan Nilai Brambles yang digariskan dalam Tatakelakuan, seperti yang dipinda dan ditambah dari semasa ke semasa

4. Tanggungjawab untuk Dasar

- 4.1 Dasar ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Brambles dan diperakui oleh Ketua Pegawai Eksekutif kita bagi menunjukkan komitmen Brambles untuk menangani isu sogokan dan rasuah. Pasukan Pimpinan Eksekutif Brambles bertanggungjawab memantau pematuhan terhadap Dasar ini dan akan melaporkan aktiviti pemantauannya kepada Lembaga Pengarah Brambles, melalui Ketua Pegawai Eksekutif.
- 4.2 Brambles telah menubuhkan Kumpulan Etika Brambles, yang berunding secara kerap, dan bertanggungjawab memantau pelaksanaan Dasar ini, menyelia pematuhan kepada Dasar ini secara umumnya, menyediakan latihan tentang keperluan Dasar, serta memastikan bahawa Dasar ini disampaikan kepada pihak yang berkenaan sewajarnya.
- 4.3 Kumpulan Etika Brambles terdiri daripada individu berikut, mana-mana tiga orang daripada mereka akan membentuk kuorum.
 - Ketua Pegawai Undang-undang
 - Ketua Pegawai Pematuhan
 - Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, EMEA
 - Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, Amerika dan APAC

Kumpulan Etika Brambles boleh menambahkan ahli Kumpulan dari semasa ke semasa atas dasar sementara atau tetap mengikut keperluan keadaan umum atau tertentu.

- 4.4 Ketua Pegawai Pematuhan Brambles mempunyai tanggungjawab harian untuk menyelia pelaksanaan Dasar ini, memantau penggunaan dan keberkesanan Dasar serta melaporkan perkara berkenaan kepada Kumpulan Etika Brambles dan Lembaga Pengarah Brambles.
- 4.5 Pihak pengurusan dan kakitangan kanan di semua peringkat bertanggungjawab melaksanakan Dasar ini di tempat kerja masing-masing dan memastikan pekerja seliaan mereka mengetahui dan memahami dasar ini.

5. Apakah itu sogokan, rasuah dan penggunaan orang dalam?

- 5.1 Rasuah ialah penyalahgunaan jawatan awam atau swasta untuk kepentingan peribadi.

- 5.2 Sogokan ialah dorongan atau ganjaran yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pegawai kerajaan atau peserta dalam transaksi komersial swasta dalam usaha memperoleh apa-apa kelebihan komersial, kontraktual, pengawalseliaan atau peribadi melalui pelaksanaan fungsi atau aktiviti berkaitan yang tidak wajar. Walaupun pemberian sogokan kepada pegawai kerajaan atau individu perseorangan dilarang di bawah dasar ini, perhatian khusus perlu diambil ketika berurusan dengan pegawai kerajaan kerana undang-undang antirasuah secara umumnya lebih berat, dengan penalti tertentu dikenakan, apabila pegawai kerajaan terlibat.

Berikut ialah "pegawai kerajaan":

- Pegawai, pekerja atau wakil mana-mana kerajaan, jabatan, agensi, biro, pihak berkuasa, instrumentaliti, atau organisasi antarabangsa awam. Organisasi antarabangsa awam ialah organisasi yang ditubuhkan oleh negara, kerajaan, atau badan serantau atau supernasional yang lain. Ini termasuk, sebagai contoh, PBB, Pertubuhan Negara-Negara Amerika (OAS), dan Palang Merah Antarabangsa;
- Orang yang bertindak bagi pihak kerajaan;
- Pekerja entiti yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan; dan
- Calon untuk jawatan politik

Dengan itu, sesetengah bahagian Dasar ini adalah lebih ketat berhubungan dengan kerajaan (sebagai contoh, lihat bahagian 6).

- 5.3 Contoh sogokan termasuklah perkara berikut:

- Menawarkan sogokan

Anda menawarkan tiket untuk acara besar kepada bakal pelanggan dengan syarat mereka bersetuju untuk mengurus niaga dengan kita, menyebelahi kita berbanding dengan pesaing yang lain atau mengurangkan harga mereka.

Ini merupakan satu kesalahan kerana anda membuat tawaran untuk mendapatkan kelebihan komersial dan kontraktual. Brambles juga mungkin didapati melakukan kesalahan kerana tawaran tersebut telah dibuat dengan tujuan mendapatkan urusan niaga untuk kita. Bakal pelanggan tersebut juga mungkin melakukan kesalahan jika mereka menerima tawaran anda.

- Menerima sogokan

Pembekal menawarkan kerja kepada anak saudara anda, tetapi menjelaskan bahawa sebagai balasan, mereka mengharapkan agar anda menggunakan pengaruh anda dalam organisasi kita untuk memastikan kita terus mengurus niaga dengan mereka.

Pembekal itu melakukan kesalahan jika mereka membuat tawaran sedemikian. Anda akan disabitkan kesalahan jika anda bersetuju untuk berbuat demikian kerana anda akan mendapat kelebihan peribadi.

- Memberikan sogokan kepada pegawai asing

Anda membuat bayaran atau membuat pengaturan agar syarikat membuat pembayaran kepada pegawai kerajaan untuk memastikan jabatan beliau mengeluarkan laporan

pemeriksaan yang baik atau mengeluarkan lesen atau kelulusan yang syarikat perlukan untuk menjalankan perniagaan.

Kesalahan menyogok pegawai asing dilakukan sebaik sahaja tawaran dibuat. Ini kerana tawaran dibuat bagi mendapatkan kelebihan perniagaan untuk Brambles. Brambles juga mungkin didapati melakukan kesalahan.

Tindakan menyogok pegawai kerajaan di sesebuah negara bukan sahaja mengakibatkan pelanggaran undang-undang setempat tetapi juga mungkin melanggar undang-undang negara lain. Sebagai contoh, tindakan menyogok pegawai asing boleh menyebabkan pelanggaran satu atau lebih undang-undang AS, UK, Kesatuan Eropah atau Australia, walaupun sogokan berlaku di negara yang berlainan daripada tempat Brambles menjalankan perniagaan. Penalti akibat daripada pelanggaran undang-undang ini termasuklah denda yang berat atau hukuman penjara serta menjejaskan bukan sahaja reputasi Brambles namun juga reputasi semua Kakitangan syarikat.

Selain bayaran wang tunai secara langsung atau hadiah yang berlebihan, contoh sogokan lain termasuklah perkara berikut yang dibuat atas arahan, atau untuk manfaat, pegawai kerajaan atau rakan kongsi perniagaan komersial: (a) tajaan perjalanan, jamuan makan, hiburan atau layanan baik lain yang berlebihan; (b) sumbangan kepada mana-mana parti, kempen atau pegawai kempen politik; atau (c) sumbangan amal atau tajaan korporat. Sogokan juga tidak boleh ditawarkan, dijanjikan, atau diberikan secara tidak langsung melalui rakan niaga, penyedia perkhidmatan, perunding, atau ejen lain yang bekerja bagi pihak Brambles, termasuk melalui komisen rahsia.

- 5.4 Penggunaan orang dalam merupakan salah satu bentuk rasuah. Tindakan ini ialah amalan menggunakan *pengaruh* seseorang dalam kerajaan atau hubungan dengan orang yang berkuasa untuk mendapatkan bantuan atau keutamaan untuk orang lain, biasanya (tetapi tidak semata-mata) untuk pembayaran.

5.5 Elakkan Konflik Kepentingan

Kakitangan mungkin menghadapi keadaan yang boleh menyebabkan mereka melanggar undang-undang antirasuah atau sogokan jika mereka mempunyai konflik kepentingan, khususnya berhubungan dengan kontrak. Konflik sedemikian timbul apabila kepentingan peribadi anda mungkin bercanggah dengan kepentingan Brambles. Contoh keadaan yang mewujudkan konflik termasuk kepentingan peribadi terhadap kontrak, sama ada secara langsung (sebagai contoh, apabila anda ialah salah satu pihak yang mengikat kontrak) atau tidak langsung (sebagai contoh, apabila anda mempunyai kepentingan terhadap pihak yang mengikat kontrak melalui pemilikan saham atau saudara terdekat yang bekerja untuk, atau mempunyai kepentingan pemilikan dalam, pihak yang mengikat kontrak dan akan menerima manfaat, secara langsung atau tidak langsung, daripada kontrak), pekerjaan di luar Brambles, penggunaan maklumat sulit Brambles dalam transaksi peribadi, atau tindakan meminta atau menerima hadiah atau hiburan yang melebihi garis panduan yang digariskan dalam dasar ini dan Dasar Hadiah dan Layanan Baik Brambles.

Oleh itu, anda tidak sepatutnya melakukan aktiviti yang melibatkan, atau boleh kelihatan melibatkan, konflik kepentingan. Jika anda menyedari bahawa Brambles sedang mempertimbangkan atau menjalankan perniagaan dengan entiti atau individu yang mempunyai hubungan peribadi atau kewangan dengan anda, anda tidak seharusnya terlibat dalam keputusan atau penyeliaan sedemikian dan mendedahkan hubungan tersebut kepada pengurus peringkat anda atau mana-mana ahli Pasukan Undang-Undang atau Sumber

Manusia. Jika anda tidak pasti sama ada situasi tertentu boleh menimbulkan konflik kepentingan atau tidak, hubungi pengurus peringkat anda atau mana-mana ahli Pasukan Undang-Undang, Etika dan Pematuhan atau Sumber Manusia.

- 5.6 **Hadiah dan layanan baik.** Sebelum menawarkan apa-apa jenis hadiah atau layanan baik, anda mesti memastikan tawaran tersebut bukanlah sogokan, balasan atau penggunaan orang dalam, bersifat sederhana, munasabah dan wajar serta bahawa tujuan tawaran adalah untuk meningkatkan imej syarikat, menampilkan produk dan perkhidmatan kita, atau menubuhkan atau mengekalkan hubungan perniagaan. Juga, sebelum menawarkan atau menerima apa-apa jenis hadiah atau layanan baik, sila semak dan patuhi Dasar Hadiah dan Layanan Baik Brambles. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang hadiah atau layanan baik, sila hubungi ahli Kumpulan Etika Brambles.

6. Derma Politik

- 6.1 Kita tidak membuat sumbangan kepada parti politik, organisasi atau individu yang terlibat dalam politik.

7. Bayaran Pemudahan

- 7.1 Bayaran pemudahan ialah bayaran untuk menjamin atau menyegerakan tindakan kerajaan tanpa budi bicara dan rutin oleh pegawai. Jenis pembayaran ini biasanya diminta oleh pegawai kerajaan berpangkat rendah sebagai pertukaran untuk melakukan perkhidmatan yang biasanya dan lazimnya dilakukan oleh pegawai itu ***Di Brambles, kita tidak melakukan bayaran pemudahan.***
- 7.2 Bayaran penyegeraan yang diterbitkan dan didokumenkan dengan baik yang dibayar terus kepada kerajaan atau entiti milik negeri secara umumnya tidak dianggap sebagai bayaran pemudahan mengikut undang-undang antisogokan. Sebagai contoh, pembayaran fi untuk menyegerakan permohonan pasport, menghantar bungkusan atau memproses kertas kerja kerajaan seperti visa, tidak dianggap sebagai bayaran pemudahan jika bayaran tersebut boleh dibayar kepada entiti kerajaan—bukannya kepada seseorang individu—dan diterbitkan secara terbuka. Jika anda mempunyai soalan tentang sama ada sesuatu bayaran itu dibenarkan atau tidak, sila hubungi ahli Kumpulan Etika Brambles.

8. Ancaman Pasti

- 8.1 Jika terdapat ancaman pasti kepada kesihatan atau keselamatan anda, anda boleh memberikan bayaran untuk mengelakkan bahaya segera. Kehilangan perniagaan untuk Brambles **bukan** ancaman pasti. Apabila boleh, anda perlu berunding dengan dan mendapatkan kebenaran daripada Kumpulan Etika Brambles sebelum membuat bayaran. Walau bagaimanapun, jika kelulusan awal tidak dapat diperolehi, anda mesti melaporkan bayaran dalam masa 48 jam selepas bayaran dibuat kepada Kumpulan Etika Brambles.

9. Tanggungjawab anda

- 9.1 Pencegahan, pengesanan dan pelaporan sogokan serta bentuk rasuah yang lain merupakan tanggungjawab semua orang yang bekerja dengan kita atau di bawah kawalan kita. Semua Kakitangan dikehendaki mengelakkan apa-apa aktiviti yang mungkin menyebabkan pelanggaran Dasar ini, sama ada oleh Kakitangan atau oleh rakan niaga, penyedia

perkhidmatan, perunding atau ejen Brambles yang lain.

- 9.2 Anda mesti memberitahu pengurus peringkat anda atau Kumpulan Etika Brambles dengan secepat mungkin jika anda percaya atau mengesyaki bahawa pelanggaran atau konflik terhadap Dasar ini telah berlaku, atau mungkin berlaku pada masa akan datang.
- 9.3 Mana-mana pekerja yang melanggar Dasar ini akan dikenakan tindakan disiplin, yang mungkin mengakibatkan pemecatan akibat salah laku.

10. Penyimpanan rekod

- 10.1 Kita mesti menyimpan rekod kewangan dan melaksanakan kawalan dalaman yang sesuai yang akan membuktikan alasan perniagaan untuk membuat bayaran kepada pihak ketiga.
- 10.2 Anda mesti menyimpan rekod bertulis bagi semua layanan baik atau hadiah yang diterima atau ditawarkan, yang diberikan kepada anda dan juga yang anda terima. Rekod tersebut akan tertakluk pada semakan oleh Kumpulan Etika Brambles.
- 10.3 Anda mesti memastikan semua tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan layanan baik, hadiah atau perbelanjaan kepada pihak ketiga dikemukakan selaras dengan dasar perbelanjaan kita yang berkenaan, serta mencatat secara khusus alasan untuk perbelanjaan.
- 10.4 Semua akaun, invois, dan dokumen serta rekod lain berkaitan urus niaga dengan pihak ketiga, seperti pelanggan, pembekal dan orang hubungan perniagaan, hendaklah disediakan, dibutirkan dan dikekalkan dengan penuh tepat dan lengkap. Tiada akaun boleh disimpan "tanpa dicatat" bagi memudahkan atau merahsiakan bayaran tidak wajar, dan dana peribadi tidak boleh digunakan bagi mencapai tujuan yang sebaliknya dilarang oleh Dasar ini.

11. Cara mengemukakan kebimbangan

- 11.1 Anda digalakkan agar mengemukakan kebimbangan tentang apa-apa isu atau kecurigaan amalan seleweg atau pelanggaran Dasar ini seawal mungkin.
- 11.2 Jika anda tidak pasti sama ada perbuatan tertentu dianggap sebagai sogokan atau rasuah, atau jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan lain, pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada pengurus peringkat anda dan/atau Kumpulan Etika Brambles. Secara alternatif, jika anda berasa tidak selesa untuk bercakap dengan mereka, atau berasa bimbang selepas berbuat demikian, anda hendaklah menghubungi talian utama Tampil Bersuara (tanpa nama jika diingini).

12. Tindakan yang boleh dilakukan jika anda menjadi mangsa sogokan atau rasuah

- 12.1 Anda perlu memberitahu pengurus peringkat anda dan/atau Kumpulan Etika Brambles dengan secepat mungkin jika anda ditawarkan sogokan oleh pihak ketiga, diminta membuat sogokan, mengesyaki bahawa perkara ini mungkin berlaku pada masa akan datang, atau percaya bahawa anda menjadi mangsa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.

13. Perlindungan

- Kakitangan yang enggan menerima atau menawarkan sogokan, atau mereka yang mengemukakan kebimbangan atau melaporkan salah laku orang lain, kadangkala berasa bimbang tentang akibat yang mungkin timbul. Seperti yang digariskan dalam Dasar Tampil Bersuara Brambles yang merupakan sebahagian daripada Tatakelakuan, kita menggalakkan keterbukaan dan akan menyokong sesiapa sahaja yang mengemukakan kecurigaan sogokan atau rasuah secara munasabah, walaupun mereka didapati tersilap pada akhirnya.
- 13.1 Kita tidak bertoleransi dengan tindakan balas atau layanan negatif dalam apa-apa jua bentuk akibat keengganan mana-mana Kakitangan untuk mengambil bahagian dalam sogokan atau rasuah, atau kerana dia melaporkan kecurigaannya berdasarkan sebab munasabah bahawa sogokan sebenar atau yang mungkin berlaku atau kesalahan rasuah lain telah berlaku, atau mungkin berlaku pada masa akan datang. Mana-mana Kakitangan yang didapati melakukan tindakan balas terhadap Pekerja lain kerana enggan mengambil bahagian dalam sogokan atau rasuah atau melaporkan kecurigaannya berdasarkan sebab munasabah bahawa sogokan sebenar atau yang mungkin berlaku atau kesalahan rasuah lain telah berlaku atau mungkin berlaku pada masa akan datang, akan dikenakan tindakan disiplin yang bersesuaian, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja. Tindakan balas atau layanan negatif termasuk pemecatan, tindakan disiplin, ancaman atau layanan buruk lain yang dikaitkan dengan pelaporan kebimbangan. Jika anda percaya bahawa anda menerima layanan buruk sedemikian, anda hendaklah memberitahu Kumpulan Etika Brambles dengan segera atau menggunakan talian utama Tampil Bersuara.

14. Latihan dan komunikasi

- 14.1 Latihan berkenaan Dasar ini hendaklah membentuk sebahagian daripada proses suai kenal untuk semua Kakitangan baharu. Pekerja yang lebih cenderung terdedah kepada sogokan atas sebab peranan dan jawatan mereka akan menerima latihan yang bersesuaian tentang cara melaksanakan dan mematuhi Dasar ini.
- 14.2 Pendekatan toleransi sifar kita terhadap sogokan dan rasuah akan disampaikan kepada pembekal, kontraktor dan rakan niaga pada permulaan hubungan perniagaan kita dengan

mereka dan apabila wajar selepas itu.

15. Pemantauan dan kajian semula

- 15.1 Kumpulan Etika Brambles akan memantau keberkesanan dan mengkaji semula pelaksanaan Dasar ini secara berkala, dengan mempertimbangkan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan Dasar. Penambahbaikan yang dikenal pasti akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Sistem dan prosedur kawalan dalaman akan tertakluk pada audit berkala untuk memberikan jaminan bahawa perkara tersebut berkesan dalam menangani sogokan dan rasuah.
- 15.2 Ketua Pegawai Perundangan atau Ketua Pegawai Pematuhan Brambles akan melaporkan hasil pemantauannya terhadap Dasar ini dan mana-mana pelanggaran Dasar tersebut serta menyerahkan mana-mana cadangan pindaan Dasar kepada Lembaga Pengarah Brambles.
- 15.3 Semua Kakitangan bertanggungjawab terhadap kejayaan Dasar ini dan perlu memastikan mereka menggunakan Dasar ini untuk mendedahkan mana-mana pelanggaran atau salah laku yang disyaki.
- 15.4 Kakitangan dipelawa untuk memberikan komen dan mencadangkan cara untuk menambah baik Dasar ini. Komen, cadangan dan pertanyaan hendaklah diajukan kepada Ketua Pegawai Pematuhan Brambles yang akan menyampaikan perkara tersebut kepada Kumpulan Etika Brambles.